

27/05/2000

Rakyat lawat Thailand perlu kawal nafsu

JITRA, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menasihatkan rakyat yang melancong ke negara asing supaya mengawal nafsu dan tidak terbabit dalam kegiatan tidak sihat, khususnya maksiat.

Perdana Menteri berkata, ia bagi mengelakkan mereka daripada dijangkiti penyakit atau virus berbahaya seperti HIV dan Aids sehingga menjangkiti orang lain, terutama isteri dan anak.

Beliau kesal kerana ada penduduk kawasan parlimen Kubang Pasu yang diwakilinya terbabit dalam kegiatan negatif sehingga dijangkiti HIV, ketika melawat Thailand.

Bagaimanapun, katanya, mereka boleh melancong ke negara berkenaan tetapi perlu mengelakkan diri daripada kegiatan tidak sihat kerana jika dijangkiti penyakit ia boleh berjangkit kepada keluarga mereka.

"Saya dukacita kerana ada yang pergi ke Hadyaai dan dijangkiti HIV. Nak pergi boleh tapi jangan buat kerja itu. Saya minta orang lelaki kawal sikit nafsu.

"Isteri ada di rumah. Tak kan kita nak gadai nyawa isteri dan anak kerana nak seronok sekejap. Pergi Thailand jangan buat kerja itu," katanya berucap pada majlis perjumpaan dengan ahli komponen Barisan Nasional (BN) Kubang Pasu, di sini hari ini.

Hadyaai adalah bandar di Selatan Thailand yang bersempadan dengan Bukit Kayu Hitam, dalam kawasan parlimen dan daerah Kubang Pasu.

Beliau juga membidas pihak tertentu yang mengambil kesempatan daripada kejadian suri rumah dijangkiti virus HIV ketika pemindahan darah di Hospital Jitra, bulan lalu.

Beliau bimbang jika saman yang dikemukakan terhadap kerajaan oleh suri rumah terbabit mempunyai kepentingan politik dan hanya untuk memperolehi wang.

Suri rumah terbabit memfailkan saman RM100 juta kerana mendakwa kecuaiannya pihak hospital menyebabkannya dijangkiti virus HIV.

Bercakap dalam sidang akhbar kemudian, Dr Mahathir berkata, beliau tidak melarang rakyat melawat Thailand, tetapi menasihati tidak melakukan kegiatan tidak sihat.

Beliau juga tidak bersetuju tindakan media massa mendedahkan identiti wanita terbabit kerana tindakan itu boleh menimbulkan masalah terhadap kehidupan sehariannya, termasuk kemungkinan dipulau.

Bagaimanapun, beliau meminta, masyarakat tidak berbuat demikian, sebaliknya membantu mangsa untuk meneruskan kehidupan seperti biasa.

Dr Mahathir juga memuji Jabatan Kesihatan Kedah kerana bersikap telus dengan menyediakan maklumat kepada media dalam membuat liputan kejadian berkenaan.

(END)